

Fatwa ajaran GISBH di Wilayah Persekutuan dimuktamadkan Khamis ini

Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my



LUQMAN di Majlis Penyerahan Bantuan Komputer Riba MAIWP di Masjid Wilayah Persekutuan. FOTO Eizairi Shamaudin

Kuala Lumpur: Keputusan fatwa berkaitan isu ajaran dan kepercayaan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) di Wilayah Persekutuan akan dimuktamadkan Khamis ini.

Mufti Wilayah Persekutuan Prof Madya Datuk Dr Luqman Abdullah berkata, keputusan itu akan dibuat selepas penilaian dan perbincangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Wilayah-Wilayah Persekutuan.

"Bagaimanapun, di Wilayah Persekutuan, pihak berkuasa boleh menggunakan fatwa al-Arqaam dan Rufaqa seperti yang sudah dipersetujui sebelum ini.

"Cuma (fatwa) khusus untuk GISBH akan diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Wilayah-Wilayah Persekutuan, 24 Oktober ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Pelancaran Skim Bantuan Komputer Riba 2024 di Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan, di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Syed Kamarulzaman Syed Kabeer dan 904 mahasiswa daripada golongan b40 dan asnaf terpilih menerima sumbangan.

Hadir sama, pemangku Ketua Pegawai MAIWP Datuk Mohd Nizam Yahya.

Sebelum ini, beberapa negeri antaranya Melaka, Perlis, Selangor, Sabah dan Pulau Pinang sudah memutuskan kepercayaan dan ajaran GISBH sebagai ajaran sesat.

Antaranya, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pada 20 September lalu memutuskan kepercayaan dan ajaran dalam GISBH mengandungi unsur ajaran sesat khususnya batiniyah iaitu kesinambungan daripada ajaran al-Arqaam yang difatwakan sesat.

Mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar mengenai pentingnya adab dalam menguruskan perbezaan pandangan, Luqman berkata, terdapat badan berkuasa berkaitan fatwa di Wilayah Persekutuan.

Justeru, Luqman berkata, masyarakat harus akur dengan fatwa diputuskan sekalipun wujud perbezaan pandangan dengan satu sama lain.

"Setiap masyarakat perlu akur dengan fatwa Wilayah Persekutuan jadi tak timbul perbalahan.

"Setiap kita ada pandangan, tak boleh elak tapi akhirnya kena akur fatwa dikeluarkan institusi," katanya.

Berhubung kegiatan kumpulan ajaran sesat pula, Luqman berkata, terdapat lebih 20 (kumpulan ajaran sesat) dikesan dan difatwakan di Wilayah Persekutuan.

"Kuala Lumpur lebih kurang sama macam Selangor (jumlah kumpulan ajaran sesat) cuma penguatkuasaan itu banyak berlaku di luar Wilayah Persekutuan.

"Walaupun ada di sini tapi tidak sebanyak seperti di negeri lain," katanya.

Disiarkan pada: Oktober 21, 2024 @ 1:33pm